

KEUPAYAAN MENGUASAI KEMAHIRAN MENULIS MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PENULISAN BERBENTUK RISALAH DI SEKOLAH RENDAH

(The Ability to Master the Writing Skills Through Project Based Learning in Writing Brochure in the Primary School)

YAHYA OTHMAN

Universiti Kebangsaan Malaysia
yahya.othman@ukm.edu.my

DK. SUZANAWATY PG. OSMAN

SK. Dato' Marsal, Brunei
silent_d1@hotmail.com

Dihantar pada:

20 Januari 2014

Diterima pada:

30 Mac 2014

Koresponden:

yahya.othman@ukm.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan berbentuk risalah bagi menguasai kemahiran menulis dalam kalangan murid tahap sederhana di sekolah rendah. Kajian ini dijalankan secara deskriptif berasaskan pendekatan kuantitatif. Kaedah yang digunakan berbentuk kuasi eksperimental dengan reka bentuk pra dan pasca ujian satu kumpulan. Seramai 39 orang sampel dalam Tahun 5 terlibat dalam kajian ini dari salah sebuah sekolah di zon Brunei IIA. Ujian pencapaian murid dan soal selidik minat dan persepsi murid terhadap pembelajaran berasaskan projek digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS versi 20. Untuk menilai kesan pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan berbentuk risalah alat statistik yang digunakan adalah ujian-*t* berpasangan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pasca, $t(39) = -12.75$, $p < 0.5$. Kesimpulannya, pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan berbentuk risalah dapat membantu untuk meningkatkan keupayaan kemahiran menulis dalam kalangan murid dan sesuai dijalankan di sekolah-sekolah rendah.

Kata kunci: Pembelajaran berasaskan projek, kemahiran menulis, penulisan berbentuk risalah, kuasi eksperimen

Abstract: This study aimed to observe the effect of the project-based learning through writing brochure to master the skill of writing among average students in primary school. Descriptive study was carried out based on a quantitative approach. The method used was quasi experimental design pre and post-test of one group. The study involved a total of 39 samples among Year 5 students from one of the schools in Brunei Zone, IIA. Student achievement tests and questionnaires of the students' interest and perception in project-based learning process were used for data collection purposes. Data were analyzed using the SPSS version 20. Paired sample *t*-test was used to assess the impact of project-based learning through writing brochure. The results showed a significant difference between the mean achievement of project-based learning through writing brochure in the post test at, $t(39) = -12.75$, $p < 0.5$. As a conclusion, project-based learning through writing brochure can help to enhance students' writing skills and it is suitable to be conducted in the primary schools.

Keywords: Project-based learning, writing skill, writing brochure, quasi experiment,

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajarkan dan dikuasai oleh murid (Nik Safiah 2004) kerana penulisan melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Van de Kopple *et al.* dlm. Roselan 2003). Dalam konteks pendidikan di Negara Brunei Darussalam, pengajaran kemahiran menulis merupakan salah satu elemen utama dalam pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara (SPN21). Para guru perlu mengajarkan kemahiran menulis dengan menggunakan pelbagai pendekatan, teknik atau strategi yang mengutamakan ciri-ciri pembelajaran aktif, seperti menggunakan pendekatan pembelajaran 'Ceria, Bermain dan Belajar Lebih' (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009). Pendekatan pengajaran ini dicadangkan penggunaannya dengan tujuan untuk mengelakkan agar pengajaran menulis tidak membosankan murid (Siti Zabidah 2006).

Melalui strategi pembelajaran aktif, para murid didedahkan dengan teknik atau strategi penulisan yang tidak hanya tertumpu pada pengajaran dan pembelajaran secara formal. Pendedahan penggunaan risalah dalam aktiviti menulis karangan boleh membantu murid memperkembangkan daya kreatif murid. Untuk tujuan tersebut, guru boleh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara tidak formal seperti pembelajaran berasaskan projek (PBP) seperti penulisan berbentuk risalah. Untuk melaksanakan projek tersebut, murid diterapkan dengan proses mengumpulkan dan menganalisis data, menghasilkan produk serta meningkatkan kemahiran penulisan dan berfikir untuk menyelesaikan tugas yang diberikan (Thomas, 2000). Oleh yang demikian, PBP bukan sahaja merupakan suatu proses P&P yang perlu didedahkan dalam Sistem Pendidikan Abad 21 (Bell 2010), bahkan proses-proses yang dinyatakan dapat membantu murid-murid dalam menjana idea semasa proses penulisan (Yahya 2005).

Gottlieb (2000) dalam Helm dan Beneke (2003) menjalankan kajian berkaitan keberkesanan PBP dalam meningkatkan kemahiran menulis melibatkan murid-murid yang berumur di antara 3 hingga 6 tahun, di Valeska *Hinton Early Childhood Education Center*, Peoria,

Illinois. Projek yang dijalankan bertajuk '*Health Center*'. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian murid dalam kemahiran literasi. Melalui projek yang dijalankan, hasil kajian menunjukkan peningkatan pencapaian murid menguasai kemahiran menulis melalui pembinaan risalah dan surat berita untuk membuat undangan dengan menggunakan ejaan dan struktur ayat yang betul.

Selain itu, Beckett dan Slater (2005) telah mengkaji kesan penggunaan alat metodologi dipanggil '*The Project Framework*' yang menekankan dua komponen, iaitu persediaan grafik (*Planning Graphics*) dan projek diari (*project diary*) dalam proses PBP. Kajian ini melibatkan seramai 57 orang murid dan guru ESL, di *Canadian University*. Hasil kajian menunjukkan peningkatan pencapaian murid dalam kemahiran menulis melalui penulisan berbentuk diari. Di samping itu juga, PBP yang dijalankan telah meningkatkan kemahiran bersosialisasi dalam kalangan murid yang dikaji.

Filippatou dan Stavroula (2010) menjalankan kajian untuk mengkaji kesan pelaksanaan proses PBP untuk membantu murid-murid yang bermasalah dalam pembelajaran. Kajian menggunakan pendekatan gabungan eksperimental kuasi dan kajian kes. Kajian ini melibatkan 94 orang murid grad 4 tahap sederhana dari 6 buah sekolah dari Bandar Volo, Lamia dan Athen (Greece). Hasil kajian telah menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan projek dapat membantu murid-murid yang bermasalah dalam pembelajaran meningkatkan pencapaian akademik mereka. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan murid lebih bermotivasi dan berkeyakinan diri mengikuti proses P&P.

Kajian Nur Fariza dan Azizah (2009) pula menilai pelaksanaan PBP terhadap tahap pencapaian murid-murid dalam pengembangan kemahiran berbahasa. Kajian ini telah melibatkan seramai 103 orang murid tahun 2 dan 3 di Fakulti Sains Sosial, UKM. Kajian menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik untuk mengkaji sikap dan persepsi murid yang terlibat dalam kajian. Hasil kajian menunjukkan murid menguasai kemahiran berbahasa dengan menyatakan mereka telah dapat meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan bertutur. Hasil dapatan soal selidik dan temu bual dalam kajian

ini juga menyatakan bahawa murid-murid dapat meningkatkan kosa kata mereka, iaitu dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris semasa terlibat dalam proses PBP.

PBP merupakan inovasi menguasai kemahiran menulis karangan. Penghasilan projek menulis ini dapat dikaitkan dengan keupayaan murid mengemukakan idea yang kreatif dalam merangka reka bentuk dan penggunaan bahasa yang sesuai untuk memujuk mereka membaca. Oleh itu dengan wujudnya kepelbagaian bahan dapat membantu murid menulis dengan berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang sering dikaitkan dalam pengajaran karangan ialah guru masih lagi mengekalkan kaedah konvensional. Guru lebih banyak bercakap tentang isi karangan yang perlu ditulis dan memberikan idea-idea kepada murid-murid dengan menyediakan rangka karangan yang hanya memerlukan murid menuliskan semula tajuk karangan yang diajarkan. Kaedah pengajaran karangan yang mementingkan huraian daripada guru tidak banyak membantu kemahiran murid menulis (Marohaini 2004). Pengajaran bercorak konvensional dan berpusatkan guru juga sering menyebabkan murid bersifat pasif dan suasana pembelajaran kurang menyeronokkan (Siti Zabidah 2006).

Selain itu, ada guru yang kurang yakin terhadap kebolehan murid untuk memperoleh isi karangan dengan cara meneroka pengetahuan secara sendiri. Sikap guru yang sedemikian menyebabkan kebanyakan isi karangan disediakan oleh guru sendiri. Dalam hal ini, guru lebih berperanan sebagai pemberi maklumat berbanding usaha murid dalam menyenaraikan isi-isi karangan (Simah 2009). Oleh yang demikian, murid kurang mempunyai inisiatif untuk mencari jawapan atau maklumat kerana semuanya telah diberikan oleh guru. Murid sudah terbiasa dengan pengajaran guru yang berfungsi sebagai pemberi maklumat dan hal ini mengakibatkan murid sentiasa bergantung kepada guru dalam kebanyakan proses pembelajaran. Akibatnya, murid-murid tidak didedahkan kepada aktiviti berfikir yang sepatutnya dilalui semasa proses penulisan karangan (Aziz & Zaitun 2010).

Kurang mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam proses P&P yang dilaksanakan oleh guru juga adalah antara punca yang menyebabkan murid kurang mahir menulis karangan. Guru hanya memfokuskan hasil karangan berbanding proses mengarang dalam P&P yang merupakan senario yang masih berlaku di sekolah (Marohaini 2004). Pengajaran guru menggunakan kaedah dan teknik dalam mementingkan hasil karangan ini menjadikan murid-murid kurang mampu untuk menjana kemahiran berfikir dan mengembangkan idea mereka dalam menghasilkan sebuah karangan yang baik.

Isu pelaksanaan penulisan berasaskan projek banyak dibatasi oleh faktor masa. Hal ini disebabkan kebanyakan guru menghadapi masalah kekangan masa dalam melaksanakan pembelajaran yang berkaitan dengan kaedah projek jika dilaksanakan di dalam bilik darjah. Oleh itu, kebanyakan tugas yang berkaitan dengan projek kurang dijalankan dalam proses P&P di dalam bilik darjah. Kebanyakan murid menyiapkan tugas projek di rumah. Guru sukar untuk memastikan sama ada ibu bapa atau murid sendiri yang menghasilkan projek atau tugas yang diberikan. Oleh itu, mekanisme penilaian tugas projek perlu disediakan bagi memastikan wujudnya kesahan dalam penilaian (France Cheong, 2008). Dalam erti kata yang lain, proses yang dijalankan dalam menghasilkan tugas melalui PBP perlu dinilai sewajarnya oleh guru.

Oleh yang demikian, PBP adalah sesuai didedahkan kepada murid-murid untuk memberikan peluang kepada mereka agar dapat belajar mendalami isi kandungan pengetahuan dalam proses P&P yang dijalankan (Ravitz et al. 2011).

KERANGKA KOSEPTUAL KAJIAN

Kajian ini menggunakan teori konstruktivisme sebagai kerangka asas kajian. Teori konstruktivisme beranggapan konsep-konsep yang dibina pada struktur kognitif seseorang akan berkembang dan berubah apabila mendapat pengetahuan atau pengalaman baharu (Subdrah Nair & Malar Muthiah, 2005). PBP dapat menyediakan peluang kepada murid untuk meneroka bahan pembelajaran yang lain selain hanya bersandar kepada guru semata-mata.

Dalam konteks menyediakan projek penulisan risalah, murid perlu membuat pencarian maklumat, bahan rujukan yang berkaitan tajuk yang diajarkan. Murid didedahkan dengan aktiviti perbincangan secara berkumpulan bagi menyusun maklumat tersebut untuk dijadikan sebuah penulisan berinformasi mengikut format yang betul, contohnya penyusunan sub-sub tajuk yang mengikut keutamaannya. Kemudian, murid diarahkan untuk memberikan maklum balas atau refleksi terhadap tugas yang mereka hasilkan, misalnya dengan mengadakan sesi perbincangan, penilaian rakan sebaya dan persembahan bagi hasil tugas.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan-soalan kajian yang menjadi asas kepada kajian ini:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian PBP melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pra dan pasca?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian penulisan berbentuk risalah dari segi aspek penguasaan struktur organisasi isi dalam ujian pra dan pasca?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian penulisan berbentuk risalah dari segi aspek tatabahasa dalam ujian pra dan pasca?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara deskriptif berasaskan pendekatan kuantitatif. Kajian menggunakan kaedah eksperimental kuasi dengan reka bentuk pra dan pasca ujian satu kumpulan. Reka bentuk satu kumpulan ujian pra dan pasca ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Reka bentuk praujian dan pasca kumpulan murid sederhana

Kumpulan	Ujian Pra	Rawatan	Ujian Pasca
Kumpulan	T ₁	X	T ₂

Sumber: Reka bentuk kumpulan praujian, pasca ujian (Sidek 2002)

Petunjuk: X: Kelas rawatan

T1: Pencapaian praujian

T2: Pencapaian pasca ujian

Reka bentuk praujian-pasca ujian satu kumpulan hanya menggunakan satu kumpulan eksperimen untuk mengkaji kesan olahan pemboleh ubah tak bersandar. Sebelum subjek diberi olahan, cerapan dilakukan dengan menggunakan praujian bagi menentukan kedudukan subjek. Selepas olahan diberi, cerapan dilakukan sekali lagi bagi menentukan kedudukan subjek dengan menggunakan pasca ujian.

Berdasarkan Jadual 1, sampel kajian menduduki praujian bagi menghasilkan sebuah penulisan berbentuk risalah. Setelah itu, mereka diberi rawatan melalui PBP secara kumpulan. Setelah selesai rawatan, sampel kajian diberikan pasca ujian. Pengkaji ingin mengkaji keupayaan sampel kajian menguasai kemahiran menulis melalui PBM dalam penulisan berbentuk risalah.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada murid-murid Tahun 5 tahap sederhana di salah sebuah sekolah rendah kerajaan kawasan Brunei IIA. Seramai 39 orang murid terlibat dalam kajian ini. Kaedah pemilihan sampel dibuat dengan memilih murid yang mempunyai ciri-ciri heterogenus dari segi kebolehan dan pencapaian mereka. Pemilihan sampel kajian dipilih secara rawak berdasarkan keputusan penilaian kendalian sekolah kedua (SBA 2) yang mereka peroleh pada penggal kedua persekolahan Tahun 2012, iaitu murid yang mencapai keputusan markah antara 50% hingga 70% dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah persediaan mengajar, set ujian bertulis, soal selidik dan rubrik penilaian projek risalah.

Rancangan Persediaan Mengajar

Sebanyak empat set persediaan mengajar digunakan untuk rawatan sebelum ujian pasca dilakukan. Persediaan mengajar bagi kumpulan ini berbeza setiap kali P&P dijalankan. Murid-

murid didedahkan dengan tugas secara individu, berpasangan dan berkumpulan. Setiap sesi rawatan murid disuruh menghasilkan sebuah risalah mengikut nama Negara ASEAN yang telah dipilih. Untuk memastikan kesahan rancangan mengajar ini, pengkaji telah merujuk guru Bahasa Melayu Tahun 5 dan juga penyelia latihan penyelidikan ini.

Ujian Bertulis

Ujian bertulis adalah berbentuk subjektif dengan sampel kajian perlu menghasilkan sebuah karangan berbentuk risalah perjalanan ringkas tentang Negara Brunei Darussalam. Sebanyak dua kali ujian bertulis dijalankan, iaitu sebagai ujian pra dan pasca. Tujuan ujian ini adalah untuk menguji kefahaman murid semasa mencari maklumat yang disediakan dan mengorganisasikan maklumat tersebut. Soalan ujian pra dan pasca dibuat secara setara supaya mengelakkan ancaman pada kesahan dalaman dan sampel kajian tidak terbiasa dengan format ujian sebelumnya. Oleh yang demikian, bagi mengukuhkan lagi kesahan pembentukan ujian ini, pengkaji telah merujuk kandungan kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5 (Buku Panduan Kurikulum Tahun 5) bagi pemilihan tajuk karangan ujian ini daripada dua orang Bahasa Melayu Tahun 5 serta penyelia bagi kursus latihan penyelidikan ini.

Rubrik Penilaian Penulisan Risalah

Dalam ujian penulisan risalah, jumlah markah adalah 100. Rubrik pemarkahan yang disediakan diadaptasi daripada beberapa sumber Internet, iaitu *Rubi Star* dan sesawang *Buck Institute Organization* untuk disesuaikan dengan tahap sampel kajian yang diberikan rawatan dalam kajian ini. Nilai skor markah dibahagikan pula kepada tiga aspek, iaitu struktur organisasi isi, tatabahasa dan kreativiti mengikut peringkat pencapaian, iaitu cemerlang, sangat baik, baik dan memerlukan pembaikan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Instrumen persediaan mengajar dan ujian bertulis dalam kajian telah disemak oleh dua orang guru Bahasa Melayu Tahun 5 dan seorang penyelia penyelidikan ini dari segi isi kandungan

persediaan mengajar dan ujian bertulis, struktur ayat dan penggunaan laras bahasa dengan peringkat murid yang terlibat. Penyemakan ini juga untuk memastikan agar tajuk bacaan dan penulisan yang diberikan dan isi kandungan pengajaran adalah sesuai dan bertepatan mengikut silibus dalam kurikulum Bahasa Melayu Tahun 5. Malah, arahan dalam soalan ujian pra dan pasca juga disemak supaya bahasa jelas dan mudah difahami oleh murid-murid yang mengikuti kajian. Setelah itu, item-item kajian diubahsuai dan dibuat penambahbaikan selaras dengan saranan penyelia.

Ujian kebolehpercayaan bagi soal selidik dan rubrik pemarkahan hasil penulisan berbentuk risalah dijalankan dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan seperti soal selidik perlu dinilai indeks kebolehpercayaannya yang biasa menggunakan indeks *Cronbach's Alpha* (Moktar 2009). Hasil ujian menunjukkan Nilai *alpha* yang diperoleh ialah 0.71 bagi kesemua item yang ada dalam soal selidik ini. Oleh itu, soal selidik yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Sebelum menjalankan kajian sebenar, pengkaji juga telah membuat penambahbaikan terhadap soal selidik ini sebelum diberikan kepada murid-murid yang terlibat.

Inter-rater Agreement yang menggunakan *Cohen's Kappa* dijalankan bagi menilai kebolehpercayaan pemarkahan hasil penulisan berbentuk risalah. Tujuannya adalah untuk menyesuaikan pemberian markah ujian penulisan berbentuk risalah yang diberikan kepada murid dan mendapatkan nilai yang boleh diterima bagi sistem pemarkahan sebuah penulisan. Seramai dua orang guru yang mengajar Bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang ini lebih daripada 10 tahun terlibat dalam pemarkahan yang dijalankan. Sebelum sesi menilai kertas jawapan murid-murid dijalankan, kedua-dua orang guru yang terlibat telah diberikan skim pemarkahan dan skim jawapan yang disediakan oleh pengkaji. Segala rubrik, skema jawapan dan sistem pemarkahan diterangkan kepada guru-guru yang terlibat. Penerangan ini adalah untuk memastikan bahawa guru-guru yang menilai dapat memahami cara pemarkahan yang sesuai dan tepat berpandukan rubrik yang disediakan.

Hasil nilai *inter-rater agreement* bagi 11 item set ujian yang telah diperiksa oleh dua orang

pemarkahan menunjukkan nilai $k = 0.76$, iaitu tahap persetujuan yang baik ($0.6 < k < 0.8$) dan menunjukkan tahap signifikan. Oleh itu, hasil kebolehpercayaan ini menunjukkan rubrik yang digunakan adalah sesuai untuk dijalankan dalam kajian sebenar.

Penganalisan Data

Data dan maklumat yang diperoleh dikumpul dan dianalisis oleh pengkaji untuk dianalisis. Penggunaan statistik inferensi dan deskriptif melalui ujian dalam bentuk min skor, sisihan piawai dan peratus digunakan dalam kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 20.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Soalan 1: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian PBP melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pra dan pasca?

Ujian-t berpasangan digunakan dan nilai min skor yang diperoleh daripada analisis dibandingkan untuk melihat keberkesanan PBM melalui penulisan risalah bagi menguasai kemahiran menulis dalam kalangan murid bertahap sederhana yang ditunjukkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Ujian-t bagi min pencapaian PBM melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pra dan pasca

Sampel	N	M	SP	t	p
Ujian pra	39	44.90	8.941	-12.75	0.00
Ujian pasca	39	69.69	10.810		

Nota: Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 2 menunjukkan perbezaan min skor bagi pencapaian PBP melalui penulisan risalah dalam ujian pra dan pasca. Berdasarkan jadual tersebut, skor min ujian pra bagi tahap pencapaian penulisan risalah adalah 44.90 dan sisihan piawai adalah 8.94. Manakala pencapaian penulisan risalah dalam ujian pasca adalah 69.69 dan sisihan piawai adalah 10.81. Analisis ujian-t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian PBP melalui

penulisan risalah dalam ujian pra dan pasca, $t(39) = -12.75, p < .05$.

Dapatan ini menunjukkan pencapaian PBP melalui penulisan risalah adalah meningkat dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Oleh itu, keputusan menunjukkan bahawa PBP melalui penulisan berbentuk risalah dapat meningkatkan penguasaan sampel kajian dalam kemahiran menulis.

Sehubungan itu, dapatan kajian tersebut berkaitan dengan kajian Katz dan Chard (1989), Beckett dan Slater (2005) dan Gottlieb (2000) tentang keberkesanan PBP melalui penulisan berbentuk risalah, surat dan diari dalam menguasai kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian murid dalam kemahiran menulis melalui PBP.

Selain itu, kajian-kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik seperti Alcapinar (2008), Aral *et al.* (2010), Bicaki dan Gursoy (2010) dan Mioduser dan Betzer (2007) dalam Holm (2011) juga mengkaji keberkesanan PBP dalam menguasai kemahiran menulis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian murid-murid dalam akademik.

Secara keseluruhan, aplikasi PBP melalui penulisan risalah yang dijalankan didapati berkesan untuk meningkatkan keupayaan sampel kajian dalam menguasai kemahiran menulis.

Soalan Kajian Kedua: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian penulisan berbentuk risalah dari segi penguasaan struktur organisasi isi dalam ujian pra dan pasca?

Untuk menilai aspek kemahiran mengorganisasikan isi kandungan risalah, sampel kajian telah didedahkan kriteria bagi aspek tersebut dan rubrik penilaian. Kriteria yang dimaksudkan merangkumi kebolehan sampel menyusun dan membahagikan sub-sub tajuk isi kandungan risalah mengikut kesesuaian maklumat dan mempunyai format yang betul, contohnya maklumat mengenai sejarah atau asal usul negara perlu ditulis mengikut susunan pada bahagian subtajuk yang sesuai.

Di samping itu, peringkat pencapaian murid dinilai mengikut empat komponen, iaitu keputusan yang menunjukkan cemerlang, sangat baik, baik dan memerlukan pembaikan. Analisis peringkat pencapaian murid dari segi mengorganisasikan isi kandungan risalah ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Peringkat pencapaian murid menulis risalah aspek organisasi isi kandungan dalam ujian pra dan pasca

Peringkat	N	Cemerlang	Sangat Baik	Baik	Memerlukan Pembaikan
Ujian Pra	39	0	2 (5.1%)	18 (46.2%)	19 (48.7%)
Ujian Pasca	39	16 (41%)	17 (43.6%)	6 (15.4%)	0

Jadual 3 menunjukkan peringkat pencapaian murid dari segi aspek mengorganisasikan isi kandungan penulisan risalah. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan menunjukkan dalam ujian pra, seramai 2 orang sampel (5.1%) mendapat keputusan sangat baik. Seramai 18 orang mendapat keputusan baik dan jumlah paling ramai mendapat keputusan memerlukan pembaikan, iaitu seramai 19 orang atau 48.7%. Manakala dalam ujian pasca pula, seramai 16 orang sampel atau 41% mendapat keputusan cemerlang. Seramai 6 orang yang mendapat keputusan baik. Jumlah paling ramai pula mendapat keputusan sangat baik, iaitu seramai 17 orang atau 43.6%. Dapatan ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam bilangan sampel kajian dalam peringkat cemerlang dan sangat baik dalam ujian pasca berbanding ujian pra.

Untuk melihat pencapaian murid menguasai aspek mengorganisasikan isi kandungan risalah, ujian *t*-berpasangan digunakan dan ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Ujian-*t* bagi min pencapaian penguasaan struktur organisasi isi melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pra dan pasca

Sampel	N	M	SP	t	p
Ujian Pra	39	11.73	4.49		
Ujian Pasca	39	24.42	5.36	-13.21	0.00

Jadual 4 menunjukkan pencapaian penguasaan struktur organisasi isi melalui penulisan risalah dalam ujian pra dan pasca. Dapatan menunjukkan skor min ujian pra penguasaan struktur organisasi isi penulisan risalah adalah 11.73 dan sisihan piawai adalah 4.49. Manakala skor min penguasaan struktur organisasi isi penulisan risalah bagi ujian pasca adalah 24.42 dan sisihan piawai adalah 5.36. Analisis ujian-*t* yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan pasca dari segi aspek penguasaan struktur organisasi isi penulisan risalah, $t(39) = -13.21, p < .05$.

Keputusan menunjukkan bahawa pencapaian sampel kajian dari segi penguasaan membina struktur isi kandungan penulisan berbentuk risalah adalah meningkat dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Oleh itu, PBP melalui penulisan berbentuk risalah telah dapat membantu sampel kajian menguasai kemahiran menulis dari segi aspek membina struktur isi kandungan sebuah risalah.

Keputusan juga menunjukkan bahawa sampel kajian yang terlibat dalam PBP melalui penulisan berbentuk risalah dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menyusun isi kandungan risalah mengikut format yang betul. Menurut Tan Oon Seng (2006), PBP telah dapat memberikan kesan positif terhadap pencapaian akademik murid serta kemahiran mereka dalam memahami isi kandungan pengajaran dengan lebih baik. Pendapat ini juga disokong oleh Holm (2011) bahawa pendedahan aktiviti yang dijalankan dalam PBP meningkatkan pembangunan kemahiran berbahasa dan kefahaman isi kandungan pengajaran dalam kalangan murid.

Soalan Kajian Ketiga: Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pencapaian penulisan berbentuk risalah dari aspek tatabahasa dalam ujian pra dan pasca?

Terdapat beberapa kriteria untuk menilai peringkat pencapaian murid dalam aspek tatabahasa, iaitu dari segi pembentukan jumlah ayat yang dibina, penggunaan kosa kata baharu, penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul. Analisis berasaskan peringkat pencapaian murid

ditunjukkan berdasarkan frekuensi dan peratus seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Peringkat pencapaian murid menulis risalah aspek tatabahasa dalam ujian pra dan pasca

Peringkat	N	Cemerlang	Sangat Baik	Baik	Memerlukan Pembaikan
Ujian Ppra	39	0	15 (12.8%)	34 (87.2%)	0
Ujian Pasca	39	1 (2.6%)	28 (71.8%)	10 (25.6%)	0

Berdasarkan Jadual 5 dapatan menunjukkan sebanyak 12.8% (15 orang) sampel kajian mendapat keputusan sangat baik dan 87.2% (34 orang) sampel kajian mendapat keputusan baik dalam ujian pra. Manakala dalam ujian pasca, sebanyak 2.6% (seorang) sampel kajian mendapat keputusan cemerlang. Sampel yang mendapat keputusan sangat baik adalah sebanyak 71.8% (28 orang) berbanding hanya 25.6% (10 orang) sampel yang mendapat keputusan baik. Oleh itu, keputusan menunjukkan bahawa ramai sampel kajian yang mendapat keputusan sangat baik dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Terdapat peningkatan dalam peringkat pencapaian murid dari segi penguasaan aspek tatabahasa melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pasca berbanding ujian pasca.

Peningkatan pencapaian ini disebabkan sampel kajian sudah dapat membentuk ayat-ayat mudah dengan menggunakan tanda baca dan ejaan yang betul serta menggunakan lebih dari lima kosa kata baru dalam penulisan risalah yang dijalankan. Sampel kajian telah didedahkan dalam proses P&P yang memerlukan mereka mengolah struktur ayat yang mudah dan betul. Hasil pemerhatian menunjukkan pendedahan aktiviti berkumpulan memberikan peluang kepada sampel berinteraksi sesama rakan mereka dalam membuat penilaian hasil tugasan rakan sebaya.

Hasil perkongsian penilaian telah dapat membantu sampel untuk membetulkan penulisan ayat, penggunaan ejaan dan tanda baca dalam penulisan mereka. Sehubungan dengan ini, penilaian sesama rakan dapat mempengaruhi peningkatan pencapaian mutu penulisan sampel kajian. Untuk melihat pencapaian murid

menguasai aspek tatabahasa dalam ujian pra dan pasca, ujian t-berpasangan digunakan. Dapatan ditunjukkan seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Ujian-t bagi min pencapaian penguasaan aspek tatabahasa melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pra dan pasca

Sampel	N	M	SP	t	p
Ujian Pra	39	28.99	5.04		
Ujian Pasca	39	37.92	6.44	-7.99	0.00

Nota: Signifikan pada aras $p < 0.05$

Jadual 6 menunjukkan bahawa perbezaan pencapaian penguasaan dari segi aspek tatabahasa melalui penulisan risalah dalam ujian pra dan pasca. Berdasarkan Jadual 6, didapati skor min ujian pra bagi penguasaan aspek tatabahasa melalui penulisan risalah adalah 28.99 dan sisihan piawai adalah 5.04. Manakala skor min bagi ujian pasca bagi penguasaan aspek tatabahasa melalui penulisan risalah adalah 37.92 dan sisihan piawai adalah 6.44. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan pasca dari segi aspek penguasaan tatabahasa melalui penulisan risalah, $t(39) = -7.99, p < .05$. Dapatan ini menunjukkan sampel kajian telah menunjukkan pencapaian dari segi aspek tatabahasa dalam kemahiran menulis risalah bagi ujian pasca berbanding ujian pra.

Sehubungan dengan itu, Gottlieb (2000) dan Nur Fariza dan Azizah (2009) mengkaji kesan PBP melalui penulisan berbentuk risalah dan diari. Hasil kajian mereka menunjukkan murid-murid yang mengikuti PBP telah memberikan kesan positif terhadap penguasaan dalam penulisan risalah dengan menggunakan ejaan, struktur ayat yang betul serta dapat meningkatkan kemahiran menulis, membaca dan bertutur dengan menggunakan kosa kata yang betul.

Di samping itu, dapatan dalam kajian ini juga selari dengan dapatan dalam soal selidik yang dijalankan. Hasil soal selidik menunjukkan antara 1.87 hingga 1.92, iaitu tahap persepsi sampel adalah tinggi menyatakan keupayaan mereka dalam kemahiran menulis meningkat dari segi aspek tatabahasa. Sampel kajian telah menyatakan bahawa PBP melalui penulisan berbentuk risalah telah dapat membantu mereka

menggunakan ejaan, tanda baca dan dapat menuliskan ayat-ayat yang mudah yang menggunakan tatabahasa yang betul.

Berdasarkan dapatan di atas dapat disimpulkan bahawa PBP melalui penulisan berbentuk risalah adalah sesuai dan berkesan untuk meningkatkan keupayaan murid-murid menguasai kemahiran menulis.

IMPLIKASI

Pedagogi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan PBP melalui penulisan berbentuk risalah telah dapat meningkatkan pencapaian murid menguasai kemahiran menulis. Oleh itu, para guru disarankan mengubah strategi pengajaran mereka kepada pembelajaran secara kolaboratif menggunakan kaedah projek, meningkatkan teknik berkomunikasi dan pendekatan *hands-on*. Dengan ini murid tidak lagi menghafal isi kandungan pengajaran apabila menghadapi peperiksaan, tetapi lebih kepada seorang murid yang berwibawa, berfikiran terbuka dan dapat berkomunikasi dengan efektif.

Teknik pembelajaran secara kolaboratif dalam aktiviti berkumpulan merupakan faktor utama dalam pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan risalah. Dalam kajian ini, pendedahan aktiviti secara berkumpulan telah memupuk sikap dan kemahiran interpersonal, misalnya sikap bekerjasama, rajin, berfikir secara kreatif dan kemahiran berinteraksi melalui persembahan hasil projek. Tambahan lagi, sampel dapat menjana idea mereka dengan aktiviti penilaian rakan sebaya sekali gus dapat membuat refleksi hasil tugas mereka sendiri daripada maklum balas yang diberikan oleh rakan mereka.

Oleh yang demikian, maklum balas dua hala ini lebih berkesan untuk memantau penglibatan murid kerana murid lebih menerima maklum balas daripada rakan mereka berbanding guru sendiri (Kwangsu Cho et al. 2006).

Murid

Hasil kajian menunjukkan bahawa sampel bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan menguasai kemahiran menulis bahkan telah menguasai kemahiran berbahasa dan kemahiran nilai tambah

yang lain. Melalui proses PBP melalui penulisan risalah yang dijalankan, sampel didedahkan kepada pengetahuan dan pengalaman baharu dan dapat diguna pakai untuk penulisan yang lebih formal.

Di samping itu, sampel juga dapat meningkatkan kemahiran berbahasa, kemahiran belajar dan berkeyakinan diri mereka. Sampel telah didedahkan dalam kedua-dua pengetahuan baru, iaitu kemahiran menulis berbentuk risalah dan pengetahuan tentang kandung maklumat yang diajarkan, PBP juga memberikan penekanan ke atas kedua-dua proses dan produk, iaitu bukan semata-mata mengajar murid untuk mengetahui hasil projek sahaja bahkan mengajar murid mengambil bahagian dalam proses mendapatkan pengetahuan (Li Ke, 2010).

Pendedahan PBP telah meningkatkan kemahiran nilai tambah dalam kalangan sampel, iaitu kemahiran berkomunikasi, nilai-nilai murni seperti bekerjasama dan kemahiran berfikir dalam merancang, melaksanakan, menghasilkan dan mempersembahkan tugas yang dijalankan dalam kajian ini. Dengan demikian, murid lebih bersikap positif dan menunjukkan minat dan motivasi mereka untuk lebih tekun mengikuti proses P&P Bahasa Melayu, khususnya kemahiran menulis. Kemahiran yang diterapkan dalam proses P&P dalam kajian ini adalah sangat berguna kepada murid dalam SPN21 pada masa ini yang merangkumi kemahiran dalam akademik dan kemahiran untuk sepanjang hayat.

Bahan Pengajaran

PBP melalui penulisan berbentuk risalah memerlukan suasana P&P yang aktif. Bahan pengajaran yang disediakan dalam kajian adalah sesuai dan mampu memberi impak terhadap pencapaian sampel. Di samping itu, sampel juga berminat dan memberikan respons yang positif mengikuti pengajaran guru dengan adanya bahan tersebut. Walau bagaimanapun, bahan pengajaran yang digunakan hanya terhad untuk penulisan berbentuk risalah perjalanan dan pencarian maklumat daripada sudut ASEAN.

Oleh itu, guru perlu ada inisiatif untuk mempelbagaikan jenis penulisan risalah dengan melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Dengan yang demikian, sampel lebih mudah mencari maklumat dan dapat

menghasilkan penulisan dan produk yang lebih menarik.

KESIMPULAN

PBP melalui penulisan berbentuk risalah dalam kajian ini dapat dijadikan ukuran untuk tujuan penambahbaikan bagi perancang kurikulum mengemaskinikan modul pengajaran bahasa, terutama dalam kemahiran menulis dan pendidikan bahasa. Proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian dalam kajian ini juga berguna dalam memberikan idea dan maklumat kepada pihak yang terlibat. Keputusan kajian dapat memberikan idea dan maklumat supaya membantu perancang kurikulum untuk merancang dan mengemaskinikan panduan pemberian projek yang dijalankan di sekolah-sekolah rendah dengan lebih teratur dan berkesan.

RUJUKAN

- Aziz Nordin & Zaitun Osman. (2010). Penerapan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran asid dan besi di lima buah sekolah di Pekan, Pahang. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Beckett, G.H. & Slater, H. (2005). The project Framework: A tool for language, content, and skills integration. *ETL Journal*, 59: 108-115.
- Bell, S. (2010). Project-based learning for the 21st century for the future. *The Clearing House*, 83: 39-43.
- Chard, S. C., & Katz, L. G. (1989). *Engaging children's minds: The project approach*. Norwood, New Jersey: Ablex Publishing Corp.
- Filippatou, D. & Kaldi, S. (2010). The effectiveness of project based learning on pupils with learning difficulties regarding academic performance, group work and motivation. *International Journal of Special Education*, 25 (1): 17-26.
- France Cheong. (2008). Using a problem-based learning approach to teach an intelligent systems course. *Journal of Information Technology Education*, 7: 47-60.
- Hallerman, S. (2012). *How does PBL support authentic literacy?: Expert & new bias blogger on project-based learning*. Dimuat turun pada 2/4/2012 dari <http://biepbl.blogspot.com/2012/02/how-does-pbl-support-authentic-literacy.html>.
- Helm, J.H. & Beneke, S. (2003). *The power of projects: Meeting contemporary challenges in early childhood classrooms-Strategies & solutions*. New York: Teachers Colleges Press, Columbia University.
- Helm, J.H. & Katz, L.G. (2001). *Young investigators: The project approach in the early years*. New York: Teachers Colleges Press, Columbia University.
- Holm, M. (2011). Project-based instruction: A review of the literature on effective in prekindergarten through 12th grade classrooms. *Review Academic Journal*, 7 (2): 1-12.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. (2009). *Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21: SPN 21*. Seri Begawan: Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
- Kwangsu Cho, Schunn, C.D. & Wilson, R.W. (2006). Validity and reliability of scaffolded peer assessment of writing from instructor and student perspectives. *Journal of Educational Psychology*, 98 (4): 891-901.
- Li Ke. (2010). Project-based college English: An approach to teaching non-English majors. *Chinese Journal of Applied Linguistic*, 33 (4): 99-112.
- Marohaini Yussof. (2004). *Perlakuan dan proses menulis karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Moktar Ismail. (2009). *Pentaksiran pendidikan. Edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu sedekad yang lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nur Fariza M.N. & Azizah Ya'acob. (2009). Facilitating lifelong learning through development of information literacy skills: A study of integrated project work. *European Journal of Social Science*, 9 (3): 457-464.
- Ravitz, J., Hixson, N., English, M. & Mergendoller, J. (2011). *Using project based learning to teach 21st century skills: Findings from a statewide initiative in West*

- Virginia. Dimuat turun pada 1.4.2012 dari http://www/bie/org/research/study/PBL_21CS_WV.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan murid*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Simah Mamat. (2009). *Keberkesanan kaedah koperatif dalam pengajaran menulis karangan fakta dan naratif dalam kalangan murid bukan Melayu*. Dimuat turun pada 2/4/2012 dari <http://simahmamat.blogspot.com/2009/05/keberkesanan-koperatif-dalam.html>
- Siti Zabidah Mohamed. (2006). Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan murid tingkatan IV. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Subadrah Nair & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20: 21-41.
- Tan Onn Seng. (2006). Problem-based learning pedagogies: Psychological processes and enhancement of intelligences. *APERA Conference*, 28-30.
- Thomas, J.W. (2000). A review of research on project based learning. Dimuat turun pada 25 Feb 2012 dari http://www.bobpearlman.org/BestPractices/PBL_Research.Pdf.
- Thomas, J.W. & Mergendoller, J.R. (2000). Managing project-based learning: principles from the field. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, New Orleans, L.A. Dimuat turun pada 23 Mac 2012 dari http://elc.fhda.edu/transform2/resources/mergendoller_thomas.pdf.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Walsh, K. (2010). Motivating students to read through project based learning. Paper submitted in partial fulfillment of the requirements for the degree M.S. Literacy Education. 1-43.